

حَبَابُ تَنْجَا كَمَا يَمُنُّ شَرِّ عَيْرٍ قَمْعُ



LAPORAN TAHUNAN

2014

JABATAN KEHAKIMAN
SYARIAH PAHANG



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Jalan Masjid 25000 Kuantan Pahang
Tel : 09-517 7966 | Fax : 09-513 4805
<http://pahang.jksm.gov.my>

Syariah Asas Keadilan





PENDAHULUAN

Cadangan penerbitan Laporan Tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) ini adalah hasil cetusan idea daripada Ketua Hakim Syarie Pahang, YAA Dato Haji Abdul Rahman bin Md Yunus.,DIMP,SMP,PKC. Cadangan penerbitan ini adalah secara berkala dan diterbitkan setiap tahun.

Laporan Tahunan ini mendokumenkan secara langsung perkara-perkara yang berkait rapat dengan pengenalan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang kepada umum seperti sejarah penubuhan jabatan ini, penerangan berkaitan penggunaan logo rasmi jabatan, misi, visi dan objektif serta carta organisasi jabatan yang dipaparkan secara terperinci meliputi penjawatan di ibu pejabat dan di peringkat daerah.

Laporan Tahunan JKSP kali ini juga mendokumenkan perkara berkaitan laporan-laporan setiap bahagian dan unit di JKSP yang menjadi tunjang utama perjalanan struktur kerja organisasi.

SYARIAH ASAS KEADILAN

MUKA SURAT	PERKARA
i	Isi Kandungan dan Pendahuluan
ii	Sidang Redaksi
iii	Perutusan Ketua Hakim Syarie
iv	Bingkisan Ketua Editor
1-2	Sejarah Dan Bidang Kuasa
3	Penerangan Logo
4	Misi, Visi, Objektif Dan Piagam Pelanggan
5-9	Carta Organisasi Jabatan
10-11	Pergerakan Kakitangan
12-14	Projek Pembangunan
15-22	Laporan Kewangan
23-24	Laporan ICT
25-26	Laporan Pusat Sumber
27-28	Laporan BSK
29-32	Laporan Unit Rekod
33-35	Laporan Statistik Kes
36	Laporan SULH
37-39	Info Hakim Syarie
40-42	Dalam Kenangan
43-48	Laporan PUSPANITA
49-52	Laporan KRISPA
53-68	Galeri JKSP
	Penghargaan



SIDANG REDAKSI

ii



YAA Dato' Hj Rahman Bin Md Yunus
D.B.P., S.M.P.P.M.
PENAUNG

Tuan Haji Mohd Khair bin Zainal Abidin
PENASIHAT



Tuan Mohd Nasir bin Awang
PENGARANG



Puan Shabariah Bt Hussin
KETUA EDITOR

Puan Nor Aidillah Bt Harun
TIMBALAN
KETUA PENGARANG



Puan Normizanomi Bt Zulkafli
PENGARANG



Puan Irma Saliza Bt Mohd Rozali
SETIAUSAHA

Tuan Mohd Mustaqim Bin Nordin
PENGARANG



Puan Azni Bt Muhamad
PENGARANG



Tuan Muhamad Syazwan Bin Karim
PENGARANG

En. Shamsor Bin Shamsudin
PENGARANG



Puan Hasrinda Bt Hasbullah
PENGARANG |
EDARAN



Puan Norhidayah Bt Mat Darus
PENGARANG

Puan Ruzailly Bt Zainudin
PENGARANG



En. Khairul Azri Bin Saari
PENGARANG |
PEREKARAFIK



Puan Nor Rahayu Bt Kamarudin
PENGARANG



PERUTUSAN KETUA HAKIM SYARIE.

■ Ketua Hakim Syarie | JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah Rahmat dan IzinNya serta InayahNya kita telah melangkah ke tahun baru 2015 dan meninggalkan kenangan sepanjang tahun 2014. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W , keluarga Baginda, para Sahabat dan umat Islam seluruhnya. Alhamdulillah dan tahniah juga buat Sidang Redaksi Laporan Tahunan atas penerbitan laporan Tahunan 2014 ini.

Tahun 2014 menyaksikan bahawa genap 20 tahun Mahkamah Syariah telah berpisah dari Jabatan Agama Islam Pahang dan berdiri utuh sebagai satu Jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP).

Pada asalnya JKSP ini menumpang di bangunan lama MPK bersama dengan Pejabat Agama Islam Kuantan dan pada awal 2013 , JKSP telah berpindah ke bangunan Mahkamah Sivil manakala Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuantan berpindah ke bangunan lama Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan. Manakala, di Daerah-daerah pula Mahkamah Syariah masih bersama Pejabat Agama Islam di bangunan yang sama kecuali di Daerah Jerantut yang mempunyai bangunannya yang sendiri. Pada tahun 1997, melalui RMK10, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM15 Juta untuk 3 bangunan Mahkamah Syariah di Bera, Maran, dan Bentong. Namun, dua sahaja yang dibina iaitu di Bera dan Maran memandangkan jumlah RM15 Juta tersebut tidak mencukupi bagi menampung kos ketiga-tiga bangunan Mahkamah Syariah ini.

Kerajaan Persekutuan juga melalui RMK10 telah memperuntukkan RM37.5 juta bagi bangunan baru ibu pejabat JKSP di Indera Mahkota yang dijangka pembinaannya pada 1/7/2015 dan dijangka siap dibina pada tahun 2017 nanti. Melalui RMK11, JKSP telah membuat permohonan untuk mendapatkan bangunan baru di Temerloh dengan cadangan sebanyak RM10 juta, manakala Mahkamah Syariah di daerah-daerah pula akan diubah suai dan dinaik taraf untuk keselesaan Yang Arif Hakim dan pegawainya. JKSP telah pun memasukkan permohonan untuk pengubahsuaian ini yang berjumlah RM 1.6 juta samada melalui bajet tahunan atau RMK11 tersebut yang mana ianya adalah berdasarkan kepada persetujuan kerajaan negeri dalam menentukannya. Diharapkan RMK11 ini memberi keselesaan kepada warga JKSP dalam menghadapi tahun 2020 . Semoga apa yang dirancang sekarang ini mudah-mudahan dapat dimanfaatkan pada tahun 2020 nanti.

Di ruangan ini, saya selaku ketua Jabatan memohon kepada seluruh warga JKSP agar sentiasa istiqamah dalam menjalankan tugas dengan baik dan menjadikan JKSP sama taraf dengan jabatan yang lain juga. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang ini adalah antara mercu kekuatan Islam di negeri ini bersama Jabatan Agama Islam Pahang, Jabatan Mufti Pahang dan Majlis Agama Islam Pahang yang mempunyai peranan yang sangat penting dalam mentadbir urus hal ehwal agama Islam di negeri ini yang sekaligus turut berperanan dalam memperkasakan kuasa sultan untuk memartabatkan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan peranan Sultan sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Saya berharap agar banyak lagi pencapaian yang akan dapat dicapai pada tahun 2015 ini dan pada tahun-tahun yang akan datang. Marilah kita berusaha untuk lebih gigih sebagaimana saranan YAB Perdana Menteri Malaysia yang mahukan kakitangan awam supaya lebih komited dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja. Saya mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh warga kerja Jabatan Kehakiman Syariah Pahang yang telah memberikan sumbangan kepada Jabatan. Saya mendoakan segala usaha murni ini akan dinilai sebagai amal ibadah di sisi Allah Subhanahu WaTaala.

Akhir kalam, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatan Kuasa Penerbitan Laporan Tahunan JKSP 2014 atas komitmen dan usaha yang telah dicurahkan bagi menerbitkan laporan ini. Semoga ia memberi manfaat dan berupaya menjadi wadah yang benar kepada masyarakat yang semakin memandangkan positif kepada Mahkamah Syariah ini.

"Syariah Asas Keadilan"

YAA. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MD.
YUNOS ., DIMP., SMP., PKC.

KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji bagi Allah, Yang Maha Kaya, Maha Bijaksana, Maha Perkasa lagi Maha Berkuasa, yang telah mengizinkan saya untuk terus menghirup udara kurniaanNya. Selawat dan salam diutuskan buat Rasulullah S.A.W., yang telah diuji dengan pelbagai ujian, bersama ahli keluarga dan para sahabat Baginda, yang telah memerah peluh dan darah untuk membawa tanggungjawab dakwah sehingga nikmat iman dan Islam dapat kita kecapai hari ini.

Saya amat berterima kasih kepada Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, YAA. Dato' Haji Abdul Rahman Bin Md. Yunos., DIMP., SMP., PKC. kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk mengetuai penerbitan Laporan Tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) bagi tahun 2014. Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada Ketua Pendaftar dan Sidang Redaksi serta warga JKSP atas kegigihan dan daya usaha yang berterusan tanpa mengira waktu bagi menayakan penerbitan kali ke 2 ini.

Objektif utama penerbitan Laporan Tahunan JKSP ini adalah untuk memaklumkan kepada umum mengenai perkembangan, prestasi dan pencapaian JKSP setiap tahun. Tambahan pula, ia menjadi kompilasi sorotan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku sepanjang tahun 2014 selari dengan perancangan tahunan JKSP khususnya. Di samping itu juga, setiap rakaman memori yang penuh suka dan duka dalam kehidupan warga JKSP diterjemahkan melalui bentuk penulisan.

Pembaca yang saya kasihi,

Setiap tugas yang diberikan merupakan satu amanah dan perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Perasaan tanggungjawab dan akauntabiliti terhadap tugas masing-masing perlu wujud. Justeru itu, kerjasama dan komitmen daripada semua warga JKSP ke arah visi yang sama adalah menjadi pemangkin kepada kecemerlangan sesebuah organisasi.

Firman Allah swt:

“ Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul, janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang dipercayakan kepadamu sedang kamu mengetahui.”

[Surah Al-Anfaal: 27].

Semoga dengan penghasilan Laporan Tahunan ini bakal menjadi simbolik kepada kesinambungan kecemerlangan dalam setiap aktiviti, kegemilangan prestasi kerja dan sahsiah diri buat semua warga JKSP dan pembaca yang budiman.

Sehingga kita bertemu lagi pada keluaran akan datang.

SHABARIAH BINTI HUSSIN
KETUA EDITOR
LAPORAN TAHUNAN JKSP 2014

MAKLUMAT KORPORAT



MAKLUMAT
KORPORAT

LAPORAN TAHUNAN
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang | 2014
Syariah Asas Keadilan | <http://pahang.jkam.gov.my>



SEJARAH DAN BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH

Secara rasminya, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang telah ditubuhkan pada 19 Januari 1995 yang sebelum itu lebih dikenali sebagai Mahkamah Qhadi di Jabatan Agama Islam Pahang. Dengan penubuhan tersebut, ianya terpisah dari pentadbiran Jabatan Agama Islam Pahang dan mempunyai struktur organisasinya sendiri. Beribu pejabat di Kuantan, Pahang. Pada ketika itu, lebih dikenali sebagai Mahkamah Syariah Pahang dan pada tahun 2005 telah ditukarkan nama kepada Jabatan Kehakiman Syariah Pahang.

Penubuhan Mahkamah Syariah Pahang diperuntukkan di bawah Seksyen 42 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam No.3 Tahun 1991 Negeri Pahang. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang diletakkan di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (SUK) dan diketuai oleh Ketua Hakim Syarie, Y.A.A. Dato' Haji Abdul Rahman Bin Md. Yunus, DIMP, SMP, PKC. Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Terdapat 2 Mahkamah Tinggi Syariah di Pahang iaitu Di Kuantan (Dikenali sebagai Mahkamah Tinggi Syariah Pahang) dan Di Bentong (Dikenali sebagai Mahkamah Tinggi Syariah Bentong).

Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan akan menjalankan Sebutan dan Perbicaraan bagi kes-kes Mahkamah Tinggi di sekitar Daerah Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Muadzam Shah, Chenor dan Bera. Manakala Mahkamah Tinggi Syariah Bentong pula akan menjalankan sebutan dan perbicaraan bagi kes-kes di Daerah Bentong, Temerloh, Jerantut, Kuala Lipis, Raub dan Cameron Highlands. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang turut mempunyai satu Mahkamah Rayuan yang akan menjalankan sebutan dan perbicaraan bagi kes-kes Rayuan di seluruh Negeri Pahang.

Terdapat 13 buah Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Pahang iaitu di Kuantan, Maran, Pekan, Muadzam Shah, Rompin, Temerloh, Bera, (masih belum beroperasi) Chenor, Bentong, Cameron Highlands, Jerantut, Kuala Lipis dan Raub.

Bagi melicinkan proses dan kemudahan kepada orang ramai, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang mempunyai Mahkamah Rendah Syariah hampir di semua daerah dalam negeri Pahang yang dibahagikan kepada beberapa Zon :-

ZON 1
Mahkamah Rendah Syariah Kuantan.
ZON 2
Mahkamah Rendah Syariah Pekan dan Rompin.
ZON 3
Mahkamah Rendah Syariah Maran dan Muadzam Shah
ZON 4
Mahkamah Rendah Syariah Temerloh dan Chenor.
ZON 5
Mahkamah Rendah Syariah Jerantut dan Kuala Lipis.
ZON 6
Mahkamah Rendah Syariah Bentong & Raub
ZON 7
Mahkamah Rendah Syariah Cameron Highland.

MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH PAHANG

Jabatan Kehakiman Syariah Pahang mempunyai satu Mahkamah Rayuan yang dikenali sebagai Mahkamah Rayuan Syariah Pahang, bertempat di Kuantan. Ianya terdiri daripada Ketua Hakim Syarie selaku Pengerusi dan dianggotai tidak lebih tujuh orang panel ahli yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Sesuatu Rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan diselesaikan oleh seorang Pengerusi dan dua orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie.

BIDANG KUASA MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

1) Mendengar dan memutuskan sesuatu rayuan terhadap sesuatu keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan

2) Apabila sesuatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah pun diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan daripada mana-mana pihak memberi kebenaran untuk membuat keputusan mengenai apa-apa persoalan undang-undang yang menjadi kepentingan awam yang telah timbul dalam masa rayuan dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan.

3) Apabila kebenaran telah diberi oleh Mahkamah Rayuan Syariah ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan untuk dirujuk bagi keputusannya itu dan membuat apa-apa perintah yang Mahkamah Tinggi Syariah sepatutnya membuat, sebagaimana yang difikirkannya adil bagi menyelesaikan rayuan itu.

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

Mahkamah Tinggi Syariah diketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang mempunyai Bidangkuasa dalam kes:

i.JENAYAH:

Membicarakan semua kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam berkuatkuasa di Negeri Pahang yang memberi kepada Mahkamah Syariah bidang kuasa untuk membicarakan dan mengenakan hukuman;

ii.MAL:

Mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan:-

i.Pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan (fasakh), atau perpisahan (faraq);

-Terdapat Pindaan Kepada pendaftaran kes pembatalan perkahwinan (Fasakh). Bermula 1 Januari 2015, pendaftaran, sebutan dan perbicaraan kes fasakh bagi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang akan dilakukan di Mahkamah Rendah Syariah.



